

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 04 DISEMBER 2019 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status terkini berkenaan Dana Khas Pelajar Cemerlang ke Universiti Luar Negara FELDA (DKPCLNF).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pada bulan Oktober 2018, pengurusan FELDA telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan program Dana Khas Pelajar Cemerlang ke Universiti Luar Negara-FELDA mulai tahun 2019 berikutan kekangan aliran kewangan yang dialami FELDA pada waktu itu.
2. Namun begitu, pembiayaan pengajian masih diteruskan bagi pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda di universiti luar dan dalam negara sehingga mereka tamat pengajian.
3. Pada masa ini, terdapat seramai 17 orang pelajar tajaan FELDA yang masih mengikuti pengajian di peringkat Ijazah di universiti luar dan dalam negara.

NO. SOALAN : 12

4. Di samping itu, seramai 11 orang pelajar sedang mengikuti Program Persediaan (A-Level) di Kolej Yayasan UEM (KYUEM). FELDA sedang melihat kepada alternatif untuk bekerjasama dengan agensi Kerajaan dan syarikat swasta bagi menyediakan pembiayaan kepada mereka untuk pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Namun begitu, ianya bergantung kepada keputusan yang diperolehi oleh pelajar tersebut.

Sekian, terima kasih.